

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan dapatan data berdasarkan kepada instrumen kajian yang telah digunakan iaitu soal selidik, ujian kemahiran menulis, dan temu bual. Keputusan kajian akan dianalisis dalam tiga bahagian seperti berikut:

Bahagian 1 : Analisa Soalan selidik responden

Bahagian ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Maklumat profil responden
- b. Maklumat pembelajaran bahasa Arab responden
- c. Maklumat amalan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab

Bahagian 2 : Analisis ujian soalan

Bahagian ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Pencapaian keseluruhan ujian
- b. Pencapaian responden berdasarkan soalan
- c. Analisa kesilapan soalan ujian

Bahagian 3 : Huraian temu bual guru bahasa Arab

Bahagian ini merangkumi perkara-perkara berikut

- a. Maklumat profil guru
- b. Maklumat pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab

4.1 Analisis Soal Selidik Responden

Dapatan analisa soal selidik responden dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat profil responden, maklumat pembelajaran bahasa Arab responden dan maklumat amalan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab responden. Pembahagian ini bertujuan untuk menjadikan huraian analisis soal selidik responden akan lebih fokus dan jelas.

4.1.1 Maklumat Profil Responden

Berikut adalah aspek-aspek yang dihuraikan dalam maklumat profil responden:

- i. Jantina
- ii. Pekerjaan bapa/penjaga
- iii. Pekerjaan ibu/penjaga
- iv. Tahap tertinggi pendidikan bapa/penjaga
- v. Tahap tertinggi pendidikan ibu/penjaga
- vi. Pendapatan keluarga
- vii. Sekolah yang diinginkan selepas UPSR
- viii. Keputusan bahasa Arab dalam ujian terakhir tahun ini

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	41	51.3
Perempuan	39	48.8
Jumlah	80	100

Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah murid-murid tahun enam. Seramai 80 orang daripada 105 orang murid-murid bagi sesi persekolahan 2010 telah dipilih. Jadual 4.1 menunjukkan bahawa 51.3% atau 41 orang daripada keseluruhan

jumlah responden adalah lelaki dan 48.8% atau 39 orang responden perempuan dipilih dalam ujian ini. Kesemua responden berumur 12 tahun dan telah mempelajari bahasa Arab j-QAF selama 6 tahun bermula dari mereka di tahun satu peringkat persekolahan.

Daripada soalan selidik yang telah dijalankan, didapati sebahagian besar pekerjaan bapa/penjaga bagi responden adalah peniaga iaitu mewakili 27.5% atau dengan nilai kekerapan 22 orang, dan diikuti 12.5% atau 10 orang bekerja sebagai buruh. Seterusnya, baki pekerjaan bapa/penjaga responden pelbagai merangkumi di sektor swasta dan juga sektor awam seperti guru, juruteknik, kerani dan sebagainya.

Bagi pekerjaan ibu/penjaga pula, didapati peratusan pekerjaan ibu/penjaga responden adalah suri rumah dengan nilai 45% atau dengan nilai kekerapan 36 orang. Seterusnya diikuti dengan kerani sebanyak 11.3% atau 9 orang, masing-masing 3.8% atau 3 orang dengan pekerjaan guru dan jururawat. Bagi peratusan yang tidak dijawab oleh responden atau tiada pekerjaan yang diisi untuk ibu/penjaga adalah dengan nilai 6.3% atau 5 orang. Selebihnya dengan pelbagai jenis pekerjaan sektor swasta mahupun kerajaan seperti kerani, pengurus, ejen hartanah, pegawai bank dan sebagainya.

Jadual 4.2 : Taburan Tahap Tertinggi Pendidikan Bapa/Penjaga

Tahap Pendidikan Bapa/penjaga	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak berpendidikan formal	1	1.3
Sekolah rendah	5	6.3
Sekolah menengah	34	42.5
Diploma	26	32.5
Ijazah	14	17.5
Jumlah	80	100

Jadual di atas menunjukkan peratusan tertinggi adalah bapa/penjaga yang berpendidikan hingga di peringkat sekolah menengah tertinggi iaitu 42.5% atau seramai 34 orang. Hal ini kerana jika ditinjau kembali pekerjaan bapa/penjaga majoritinya

adalah peniaga. Seterusnya diikuti oleh tahap pendidikan peringkat diploma iaitu 32.5% atau 26 orang, 17.5% atau 14 orang di peringkat ijazah dan 6.3% atau 5 orang berpendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja. Manakala hanya 1.3% atau hanya seorang sahaja dengan status tidak berpendidikan formal.

Jadual 4.3 : Taburan Tahap Tertinggi Pendidikan Ibu/Penjaga

Tahap Pendidikan Bapa/penjaga	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak berpendidikan formal	2	2.5
Sekolah rendah	9	11.3
Sekolah menengah	38	47.5
Diploma	16	20
Ijazah	15	18.8
Jumlah	80	100

Berdasarkan jadual 4.3 menunjukkan peratusan tertinggi 47.5% atau 38 orang dengan tahap pendidikan sekolah menengah. Hal ini mungkin disebabkan pekerjaan majoriti ibu/penjaga responden adalah suri rumah sepenuh masa. Seterusnya diikuti oleh 20% atau 16 orang berpendidikan di peringkat diploma, 18.8% atau kekerapan 15 orang berpendidikan di peringkat ijazah dan 11.3% atau 9 orang berpendidikan di peringkat sekolah rendah. Manakala hanya 2.5% atau 2 orang sahaja tidak berpendidikan secara formal.

Jadual 4.4 : Taburan Pendapatan Keluarga

Pendapatan keluarga	Kekerapan	Peratus (%)
RM1500 - RM500 dan ke bawah	18	22.5
RM1500 – RM2000	15	18.8
RM2000 – RM2500	16	20
RM2500 dan ke atas	31	38.8
Jumlah	80	100

Jadual 4.4 menjelaskan peratusan tertinggi adalah keluarga berpendapatan RM2500 dan ke atas dengan nilai 38.8% atau 31 orang. Seterusnya 22.5% atau 18 orang responden keluarganya berpendapatan RM1500 – RM500 dan ke bawah, diikuti pula 20% atau 16 orang responden pendapatan keluarga dengan RM2000 – RM2500. Manakala bagi pendapatan keluarga RM1500 – RM2000 adalah 18.8% atau 15 orang.

Jadual 4.5 : Taburan Sekolah yang diinginkan selepas UPSR

Jenis sekolah yang diinginkan selepas UPSR	Kekerapan	Peratus (%)
Sekolah aliran agama	25	31.3
Sekolah aliran biasa	55	68.8
Jumlah	80	100

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa responden keseluruhannya ingin menyambung pengajian mereka di sekolah aliran biasa dengan peratusan 68.8% atau 55 orang responden berbanding dengan mereka yang mahu menyambung pengajian di sekolah aliran agama hanya 31.3% atau 25 orang sahaja. Pengkaji berpendapat salah satu faktor kelemahan responden kuasai bahasa Arab adalah kerana majoriti mereka inginkan sekolah aliran biasa. Hal ini kerana di sekolah aliran biasa subjek bahasa Arab tidak ditawarkan untuk setiap sekolah harian biasa berbanding sekolah aliran agama.

Jadual 4.6 : Taburan Keputusan Bahasa Arab dalam Ujian Terakhir

Keputusan bahasa Arab	Kekerapan	Peratus (%)
A	26	32.5
B	33	41.3
C	13	16.3
D	7	8.8
E	1	1.3
Jumlah	80	100

Jadual 4.6 menunjukkan peratusan tertinggi 41.3% atau 33 orang responden mendapat gred B dalam keputusan bahasa Arab dalam ujian terakhir. Seterusnya 32.5% atau 26 orang responden mendapat keputusan A, 16.3% atau 13 orang mendapat gred C dalam ujian terkini bahasa Arab. Manakala 7 orang responden mendapat gred D dengan peratusan 8.8% dan hanya 1.3% atau 1 orang sahaja mendapat gred E dalam ujian bahasa Arab terakhir.

4.1.2 Maklumat Pembelajaran Bahasa Arab Responden

Maklumat pembelajaran bahasa Arab responden akan tertumpu pada beberapa perkara seperti berikut:

- i. Maklumat pembelajaran bahasa Arab responden secara formal atau tidak.
- ii. Bahasa pertuturan responden di rumah.
- iii. Minat responden mempelajari bahasa Arab.
- iv. Pandangan responden mengenai pembelajaran bahasa Arab.
- v. Cita-cita responden untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah.
- vi. Strategi pembelajaran responden dengan jadual khas untuk ulang kaji pelajaran bahasa Arab.
- vii. Sumber-sumber yang digunakan oleh responden untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

Berdasarkan kepada analisis soal selidik yang telah dijalankan oleh pengkaji, didapati bahawa 60% atau 48 orang responden mempelajari bahasa Arab secara formal di kelas Fardu Ain (KAFA). Manakala bakinya 32 orang responden iaitu 40% tidak mempelajari bahasa secara formal di kelas Fardu Ain (KAFA). Situasi ini

mempengaruhi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden kerana mendapat pendedahan tambahan dalam pembelajaran mereka.

Jadual 4.7 : Taburan Bahasa Pertuturan Responden di Rumah

Bahasa pertuturan di rumah	Kekerapan	Peratus (%)
Bahasa Melayu sahaja	47	58.8
Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	27	33.8
Bahasa Melayu dan Bahasa Arab	1	1.3
Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab	5	6.3
Jumlah	80	100

Dapatan soal selidik mendapati majoriti responden tidak didedahkan dengan komunikasi di rumah dalam bahasa Arab. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa responden menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di rumah. 58.8% atau 47 orang responden hanya menggunakan bahasa Melayu di rumah dan 33.8% atau 27 orang responden menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pertuturan di rumah. Baki dari situasi ini iaitu hanya 6 orang menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan di rumah. Seperti mana yang dimaklumkan kepada pengkaji, 6 orang responden yang ada menggunakan bahasa Arab di rumah bukan terlalu kerap malahan hanya sekali skala sahaja. Dalam masalah ini, pengkaji yakin jika keluarga yang mampu memberi pendedahan bertutur dalam bahasa Arab di rumah, sudah pasti memberi pengaruh besar dalam penguasaan bahasa Arab dalam kalangan responden.

Jadual 4.8 : Taburan Minat Responden untuk Mempelajari Bahasa Arab

Minat mempelajari bahasa Arab	Kekerapan	Peratus (%)
Sangat berminat	14	17.5
Berminat	34	42.5
Kurang berminat	25	31.3
Tidak berminat	3	3.8
Sangat tidak berminat	4	5.0
Jumlah	80	100

Gabungan jumlah responden yang berminat dan sangat berminat mempelajari bahasa Arab sebanyak 48 orang iaitu 60% dari keseluruhan responden. Jadual 4.8 menunjukkan bahawa 31.3% atau 25 orang responden kurang berminat dalam mempelajari bahasa Arab. Manakala 8.8% atau 7 orang responden tidak berminat dan sangat tidak berminat dalam mempelajari bahasa Arab. Pengkaji merasakan hal ini perlu diambil serius bagi menjamin mata pelajaran bahasa Arab terus diminati oleh murid-murid supaya ia mudah dikuasai. Situasi tidak minat dalam mempelajari bahasa Arab sangat memberi kesan terhadap penguasaan bahasa tersebut.

Jadual 4.9 : Taburan Pandangan Responden mengenai Pembelajaran Bahasa Arab

Pandangan responden dalam mempelajari bahasa Arab	Kekerapan	Peratus (%)
Amat susah	6	7.5
Susah	13	16.3
Sederhana	41	51.3
Mudah	16	20
Amat mudah	4	5
Jumlah	80	100

Dalam jadual 4.9, menunjukkan majoriti responden iaitu 51.3% atau 41 orang berpendapat bahawa mempelajari bahasa Arab adalah di aras sederhana. Seterusnya 20% atau 16 orang mengatakan mudah untuk mempelajari bahasa Arab, 16.3% atau 13 orang responden berpendapat susah mempelajari bahasa Arab, dan 7.5% atau 6 orang responden beranggapan amat susah dalam mempelajari bahasa Arab. Manakala hanya 5% atau 4 orang responden merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab adalah amat mudah.

Seterusnya dilihat cita-cita responden untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab selepas UPSR iaitu di peringkat sekolah menengah. Majoriti responden menjawab 'Ya' iaitu dengan nilai 53.8% atau 43 orang responden mempunyai cita-cita untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah. Manakala 46.3% atau 37 orang responden menjawab 'Tidak' iaitu tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah kelak selepas UPSR. Hakikatnya, situasi sebegini amat memberi motivasi kepada responden dalam usaha menguasai bahasa Arab.

Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, didapati bahawa sejumlah besar responden iaitu 82.5% atau seramai 66 orang tidak mempunyai jadual khas di luar waktu sekolah untuk mengulang kaji mata pelajaran bahasa Arab. Bakinya 17.5% atau 14 orang responden sahaja mempunyai jadual khas dalam aktiviti mengulang kaji mata pelajaran bahasa Arab di luar waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Jadual 4.10 : Taburan Sumber lain yang digunakan Responden dalam meningkatkan Penguasaan Bahasa Arab

Sumber lain yang digunakan	Kekerapan	Peratus (%)
Majalah bahasa Arab	11	13.8
Buku cerita bahasa Arab	19	23.8
Perisian komputer	5	6.3
Internet	23	28.8
Kamus bahasa Arab	4	5.0
Lagu-lagu bahasa Arab	2	2.5
Tiada	16	20
Jumlah	80	100

Dalam melihat maklumat berkaitan dengan aktiviti pembelajaran bahasa Arab responden, pengkaji juga menyelidik penggunaan sumber lain oleh responden kajian dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka. Peratusan tertinggi mendapati bahawa responden menggunakan internet sebagai sumber selain buku teks dalam meningkatkan penggunaan bahasa Arab dengan nilai 28.8% atau 23 orang responden. Seterusnya 23.8% atau 19 orang responden menggunakan buku cerita bahasa Arab, 13.8% atau 11 orang responden menggunakan majalah bahasa Arab, 6.3% atau 5 orang responden menggunakan perisian komputer, 5% atau 4 orang menggunakan kamus bahasa Arab, dan 2.5% atau 2 orang sahaja menggunakan kaedah mendengar lagu-lagu dalam bahasa Arab. Selain daripada itu, ada juga responden yang tiada menggunakan rujukan lain selain buku teks dalam strategi menguasai bahasa Arab. Nilai peratusan bagi responden yang tiada menggunakan sumber lain adalah 20% atau 16 orang. Pengkaji yakin dengan strategi responden menggunakan bahan lain selain daripada buku teks dapat menjamin penguasaan bahasa Arab dengan cepat.

4.1.3 Maklumat Amalan Pembelajaran Kemahiran menulis Bahasa Arab Responden

Bahagian ini memberi penjelasan berkaitan dengan analisis peratusan dan kekerapan bilangan responden bagi melihat amalan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab responden. Analisis ini melihat kepada pendapat, pengetahuan, strategi dan juga tindakan responden terhadap setiap item yang diajukan oleh pengkaji dalam soal selidik tersebut. Kesemua item mempunyai format skala likert yang sama iaitu sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju, dan sangat tidak setuju.

Jadual 4.11 : Bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan dengan amalan pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

Bil	Kenyataan	SS	S	KS	TS	STS
1	Bermasalah dalam menulis huruf, perkataan dan ayat	11 (13.8%)	10 (12.5%)	20 (25%)	16 (20%)	23 (28.8%)
2	Sering membuat latihan menulis	4 (5%)	10 (12.5%)	35 (43.8%)	13 (16.3%)	18 (22.5%)
3	Minat akan aktiviti menulis di dalam kelas	15 (18.8%)	17 (21.3%)	24 (30%)	15 (18.8%)	9 (11.3%)
4	Hanya membuat latihan dalam buku teks sahaja	16 (20%)	35 (43.8%)	16 (20%)	10 (12.5%)	3 (3.8%)
5	Selalu bertanya kepada guru	19 (23.8%)	32 (40%)	18 (22.5%)	8 (10%)	3 (3.8%)

Hasil dapatan dari jadual 4.11 menjelaskan beberapa kesimpulan berkaitan dengan amalan pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis. Secara keseluruhannya, responden bersetuju akan dua perkara sahaja dari lima perkara di atas iaitu:

- i. Responden hanya membuat latihan berdasarkan buku teks apabila diminta berbuat demikian. (43.8% setuju dan 20% sangat setuju)
- ii. Responden selalu bertanya kepada ustaz/ustazah berkenaan cara menulis sesuatu perkataan yang baru dipelajari supaya tidak salah dalam kemahiran menulis kelak. (40% setuju dan 23.8% sangat setuju)

Seterusnya adalah beberapa kesimpulan berkenaan amalan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab responden berkaitan dengan perkara yang tidak setuju. Kesimpulannya adalah seperti berikut:

- i. Responden bermasalah untuk menulis huruf, perkataan dan ayat dalam bahasa Arab. (28.8% sangat tidak setuju, 25% kurang setuju dan 20% tidak setuju)
- ii. Responden sering membuat latihan menulis bahasa Arab dari mana-mana bahan setiap hari. (43.8% kurang setuju, 22.5% sangat tidak setuju dan 16.3% tidak setuju)
- iii. Responden berminat aktiviti menulis bahasa di dalam kelas. (30% kurang setuju, 18.8% tidak setuju, 11.3% sangat tidak setuju)

Dapatan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak berminat dalam membuat latihan menulis bahasa Arab dari mana-mana bahan setiap hari. Selain daripada itu juga, kebanyakan responden tidak berminat akan aktiviti menulis bahasa Arab di dalam kelas. Hal ini menjadikan kurang penguasaan responden dalam menulis bahasa Arab. Sikap dan motivasi responden juga menunjukkan mereka hanya membuat latihan berdasarkan buku teks apabila diminta berbuat demikian sahaja. Walau bagaimanapun, sikap positif responden yang selalu bertanya kepada ustaz atau ustazah berkenaan cara menulis sesuatu perkataan baru dengan betul harus diberi pujian.

Situasi ini menunjukkan bahawa responden mempunyai minat dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis.

Jadual 4.12 : Bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan dengan kesan kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah

Bil	Kenyataan	SS	S	KS	TS	STS
1	Sering memberikan penjelasan dengan contoh	40 (50%)	24 (30%)	11 (13.8%)	2 (2.5%)	3 (3.8%)
2	Selalu menyemak binaan perkataan dan ayat bersama	20 (25%)	27 (33.8%)	22 (27.5%)	7 (8.8%)	4 (5%)
3	Menjelaskan kesalahan saya secara berhadapan	29 (36.3%)	17 (21.3%)	18 (22.5%)	7 (8.8%)	9 (11.3%)
4	Sering melakukan ujian dalam kelas	19 (23.8%)	18 (22.5%)	25 (31.3%)	7 (8.8%)	11 (13.8%)

Jadual 4.12 menjelaskan bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan dengan kesan kaedah pendekatan pengajaran guru dalam kelas. Kedah pengajaran guru ini sangat penting dalam mempengaruhi kefahaman dan penguasaan murid-murid dalam bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis. Kebanyakan responden bersetuju terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Guru sentiasa memberi penjelasan berserta contoh. (50% setuju dan 30% setuju)
- ii. Guru selalu menyemak binaan perkataan dan ayat bersama. (33.8% setuju dan 25% sangat setuju)
- iii. Guru menjelaskan kesalahan murid secara berhadapan. (36.3% sangat setuju dan 21.3% setuju)

Seterusnya hanya satu perkara responden kurang setuju iaitu berkaitan dengan guru sentiasa melakukan ujian dalam kelas. Didapati peratusan tertinggi adalah kurang setuju iaitu dengan nilai 31.3% dengan jumlah kekerapan sebanyak 25 orang.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kaedah atau metodologi pengajaran guru sangat penting dalam menjamin penguasaan murid-murid terhadap perkara yang diajar. Berdasarkan kepada analisis deskriptif yang telah dilakukan, didapati bahawa 3 perkara yang sering digunakan oleh guru dalam proses pengajaran mereka di dalam kelas. Perkara tersebut adalah sentiasa memberi penjelasan berserta contoh, sentiasa menyemak binaan perkataan serta ayat murid-murid, dan sentiasa memberi penjelasan bagi setiap kesalahan murid secara berhadapan.

Bertitik tolak daripada analisa di atas, kaedah atau pendekatan guru memberi penjelasan sesuatu perkara berserta contoh amat berkesan bagi murid-murid untuk memahami perkara tersebut. Hal ini kerana untuk mempelajari bahasa asing bagi penutur jati bahasa Melayu, ia bukanlah satu perkara yang boleh dianggap mudah. Jadi, kaedah ini amat bersesuaian digunakan oleh guru-guru bagi menjamin murid-murid mudah faham akan sesuatu masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain daripada itu, menyemak binaan perkataan atau ayat bersama dan menyemak kesalahan murid secara berhadapan juga sangat membantu murid-murid dalam mengenal pasti kesalahan yang dilakukan secara terus. Tambahan lagi, kaedah atau pendekatan ini amat membantu untuk murid-murid yang lemah. Kaedah seperti ini dapat mengelakkan perasan malu untuk bertanya dalam kalangan murid-murid.

4.2 Analisis Set Ujian Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Berdasarkan analisa soal selidik yang telah dijalankan pada bahagian sebelum ini, ianya banyak menjelaskan maklumat mengenai corak pembelajaran bahasa Arab responden khususnya hal-hal berkaitan dengan aktiviti kemahiran menulis dalam

kalangan responden. Walau bagaimanapun, pengkaji merasa lebih melihat dan meneliti dengan lebih dekat kemahiran responden dalam kemahiran menulis. Justeru itu, pengkaji telah merangka satu set soalan ujian kemahiran menulis bahasa Arab bagi melihat kemampuan murid-murid bagi mendapatkan gambaran tepat mengenai tahap kemahiran tersebut. Isi kandungan ujian kemahiran menulis tersebut berdasarkan kepada objektif kemahiran menulis bahasa Arab dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab tahun enam serta buku teks bahasa Arab tahun enam.

Seterusnya dalam penganalisan ujian bertulis ini, beberapa aspek analisis dilihat bagi memastikan dapatan kajian lebih fokus dan terperinci dalam menjawab permasalahan dalam kajian ini. Berikut adalah bahagian-bahagian yang diberi tumpuan dalam penganalisan data ujian kemahiran menulis responden:

- i. Analisis Pencapaian Keseluruhan Ujian Kemahiran menulis
- ii. Analisis Pencapaian Ujian Kemahiran menulis berdasarkan Soalan Ujian
- iii. Analisis Kesilapan dalam Ujian Kemahiran menulis

4.2.1 Pencapaian Keseluruhan Ujian

Bahagian pertama adalah analisis tahap pencapaian keseluruhan dalam ujian kemahiran menulis responden. Bahagian ini akan menghurai markah pencapaian keseluruhan responden berdasarkan keseluruhan empat belas soalan ujian kemahiran menulis yang telah diadakan. Tujuan analisis data ini adalah untuk melihat secara keseluruhan tahap penguasaan kemahiran menulis responden dalam kemahiran menulis bahasa Arab berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.


Analisa pencapaian keseluruhan ujian akan dilaporkan berdasarkan skema gred pemarkahan standard Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Skema gred pemarkahan adalah seperti berikut:

Jadual 4.13 : Skema Gred Pemarkahan UPSR

Markah (%)	Gred
80 – 100	A
60 – 79	B
40 – 59	C
20 – 39	D
0 - 19	E

4.2.1.1 Analisis Pencapaian Keseluruhan Ujian Kemahiran menulis

Keputusan keseluruhan markah ujian kemahiran menulis bahasa Arab ini adalah gabungan daripada 14 soalan iaitu berdasarkan kepada 7 objektif pada 3 peringkat kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Secara keseluruhannya bilangan soalan yang memerlukan jawapan adalah sebanyak 87 kesemuanya. Pengkaji telah membina peratusan (%) pencapaian responden berdasarkan bilangan jawapan yang betul. Berikut adalah rajah menunjukkan tahap pencapaian keseluruhan ujian kemahiran menulis bahasa Arab:



Rajah 4.1 : Analisis Pencapaian Keseluruhan Responden

Berdasarkan kepada rajah tersebut, 43% atau 35 orang murid telah mendapat gred markah B dengan markah antara 60 – 79, 39% atau 31 orang murid mendapat gred markah C dengan markah antara 40 – 59, 15% atau 12 orang murid mendapat gred markah A dengan markah antara 80 – 100, dan hanya 3% atau 2 orang murid mendapat gred markah D dengan markah antara 20 – 39. Manakala 0% atau tiada seorang pun murid yang mendapat gred markah E dengan markah antara 0 – 19. Kesimpulan yang didapati oleh pengkaji menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pencapaian murid atau responden berada di peringkat yang baik iaitu majoriti pencapaian adalah B dengan markah antara 60 -79. Penilaian ini berdasarkan kepada skema gred pencapaian markah UPSR yang telah dijelaskan pada bahagian sebelum ini. Berdasarkan kepada pencapaian ini, usaha dari pelbagai pihak masih diperlukan dalam meningkat pencapaian ke tahap yang lebih cemerlang. Situasi ini kerana hanya 1/5 atau 15% sahaja dari bilangan responden yang mendapat gred pemarkahan A dengan markah antara 80 – 100.


4.2.2 Pencapaian Responden berdasarkan Soalan Ujian

Bahagian kedua adalah analisis pencapaian responden dalam setiap item soalan ujian. Ia mengandungi empat belas item berdasarkan kepada empat belas soalan yang telah dibina. Tujuan analisis pencapaian responden dalam setiap soalan ujian ini adalah bagi menilai tahap penguasaan responden bagi setiap soalan berdasarkan objektif kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian secara khusus.

4.2.2.1 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 1

Soalan 1 ini adalah pecahan dari objektif pertama kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu murid-murid mampu menulis huruf dan perkataan dengan betul. Justeru itu, pengkaji telah menguji dengan

menghendaki responden untuk menulis semula 30 huruf bahasa Arab yang diberikan dalam ruang kosong yang telah disediakan. Keputusan pencapaian responden bagi soalan 1 adalah seperti berikut:




Rajah 4.2 : Pencapaian Responden bagi Soalan 1

Rajah 4.2 menunjukkan pencapaian responden dalam soalan iaitu menyalin dan menulis kembali 30 huruf bahasa Arab dalam ruang kosong yang telah disediakan. Keputusan menunjukkan 83% atau 66 orang responden dapat menjawab keseluruhan soalan iaitu 30 jawapan betul. Seterusnya 11% atau 9 orang responden telah berjaya menjawab 29 jawapan betul. Manakala masing-masing 2.5% atau 2 orang responden berjaya menjawab 28 dan 27 jawapan dengan betul dan hanya 1% atau seorang sahaja dapat menjawab 26 jawapan betul. Secara keseluruhannya didapati bahawa responden berjaya menguasai dalam menulis huruf-huruf dalam bahasa Arab dengan betul.

4.2.2.2 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 2

Soalan 2 juga merupakan pecahan dari objektif pertama kemahiran menulis iaitu murid-murid mampu menulis huruf dan perkataan dengan betul. Responden dikehendaki untuk menjawab soalan ini dengan menyambung setiap huruf yang diberikan untuk membentuk perkataan yang dikehendaki. Soalan ujian ini bagi melihat keupayaan responden menulis perkataan bahasa Arab dengan betul selaras dengan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Rajah 4.3 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 2.




Rajah 4.3 : Pencapaian Responden bagi Soalan 2

Dapatan menunjukkan 49% atau 39 orang responden dapat skor 5 jawapan betul dalam soalan ujian 2 ini. Seterusnya 16% atau 13 orang responden menjawab 4 jawapan dengan betul, 9% atau 7 orang responden betul bagi 3 skor soalan ujian. Manakala 5% dan 6% masing-masing 4 dan 5 orang responden berjaya menjawab 1 dan 2 soalan dengan betul. 15% atau 12 orang responden tidak dapat menjawab

walaupun 1 soalan yang diajukan. 12 orang responden ini gagal menyambung huruf-huruf yang diberikan bagi membentuk perkataan dengan tulisan yang tepat. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden secara keseluruhannya berada di peringkat yang baik dalam keupayaan menyambung huruf-huruf seterusnya menulis kembali bagi membentuk perkataan bahasa Arab dengan gaya tulis yang betul.

4.2.2.3 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 3

Soalan 3 adalah bertujuan pengujian bagi objektif kedua dan masih pada peringkat pertama dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektif tersebut ialah menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul serta memahaminya. 5 soalan ujian telah diberikan pada bahagian ini bagi menilai objektif ini berdasarkan penguasaan responden. Dalam soalan ini pengkaji menghendaki responden memilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan yang diberikan dan perlu ditulis pada ruang kosong yang diberikan. Pilihan jawapan yang diberi bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan responden untuk menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya. Berikut adalah graf menunjukkan pencapaian responden bagi soalan ketiga.




Rajah 4.4 : Pencapaian Responden bagi Soalan 3

Dapatan pencapaian soalan 3 menunjukkan peratusan kekerapan responden tertinggi adalah 30% atau 24 orang responden yang berjaya skor 3 jawapan betul iaitu memilih perkataan dalam pilihan yang diberi berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya. Skor soalan ujian dengan 2 dan 4 jawapan betul masing-masing dengan 26% atau 21 orang responden dan 27% atau 22 orang responden. Seterusnya 13% atau 10 orang responden skor soalan ujian dengan 5 iaitu kesemua soalan berjaya dijawab dengan betul. 4% atau 3 orang responden sahaja dapat menjawab 1 soalan ujian dengan betul manakala 0% atau 0 orang responden yang langsung tidak dapat menjawab soalan dengan betul. Keseluruhannya didapati responden dapat menguasai bentuk soalan ujian seperti ini dengan baik. Hal ini mungkin disebabkan pilihan jawapan yang diberikan bagi memudahkan responden dengan hanya memilih satu jawapan betul berdasarkan 2 pilihan yang telah diberikan.

4.2.2.4 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 4

Soalan 4 masih bertujuan pada objektif kedua iaitu pada peringkat pertama dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektif tersebut ialah menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul serta memahaminya. 3 soalan ujian telah diberikan pada bahagian ini bagi menilai objektif ini berdasarkan keupayaan responden. Dalam soalan ini pengkaji menghendaki responden mengisi di ruang kosong yang telah digariskan dengan perkataan yang sesuai berdasarkan gambar yang telah diberikan di penjurusan setiap soalan tersebut. Rajah 4.5 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 4.




Rajah 4.5 : Pencapaian Responden bagi Soalan 4

Graf menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan responden iaitu 51% atau seramai 41 orang responden tidak mampu menjawab soalan yang diberikan dengan nilai skor 0. 20% atau 16 orang responden dengan hanya dapat menjawab 1 jawapan betul berdasarkan 3 soalan ujian yang telah diberikan. Manakala 18% atau 14 orang

responden dengan nilai skor 2 soalan ujian dan hanya 11% atau 9 orang responden sahaja dapat skor kesemua soalan ujian iaitu dapat menjawab ketiga-tiga soalan ujian yang telah diberikan. Pengkaji mendapati sejumlah besar responden langsung tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul disebabkan oleh penguasaan kosa kata dalam kalangan responden. Hal ini menyebabkan kesukaran responden untuk memberi jawapan yang sesuai.

4.2.2.5 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 5

Bagi soalan 5 masih lagi bertujuan pada objektif kedua pada peringkat pertama dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada soalan ini, bentuk pengujian adalah khusus pada pemilihan jawapan betul dalam perubahan kata kerja atau dalam bahasa Arab. Objektifnya menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul serta memahaminya. 3 soalan ujian telah diberikan pada bahagian ini bagi menilai objektif ini berdasarkan keupayaan responden. Pada soalan ini pengkaji menghendaki responden mengisi di ruang kosong dalam jadual tersebut dengan perkataan kata kerja yang sesuai berdasarkan kata kerja kala kini, lepas dan kata kerja suruhan. Berikut adalah graf menunjukkan pencapaian responden bagi soalan 5.




Rajah 4.6 : Pencapaian Responden bagi Soalan 5

Dapatan menunjukkan peratusan kekerapan responden tertinggi iaitu 45% atau 36 orang responden tidak berjaya skor soalan ujian dengan nilai 0. Berdasarkan pada graf di atas, nilai peratusan kekerapan responden bagi skor soalan ujian 1, 2, 3 dan 4 agak mendatar iaitu 16% atau 13 orang responden, 12% atau 10 orang responden, 14% atau 11 orang responden dan 10% atau 8 orang responden berbanding dengan peratusan kekerapan responden skor 0 jawapan betul. Seterusnya 3% atau hanya 2 orang responden dapat menjawab 5 dari 6 soalan ujian yang telah diberikan. Manakala 0% atau 0 responden iaitu tiada langsung responden dapat menjawab kesemua soalan bagi ujian ini. Secara keseluruhannya didapati penguasaan responden masih berada di peringkat lemah dalam menukar bagi setiap perubahan kata kerja kala kini, lepas dan suruhan. Berdasarkan pemerhatian minor pengkaji semasa menjalankan kajian, pengkaji mendapati kesukaran ini adalah melibatkan kesemua responden kerana topik pembelajaran kata kerja ini dikatakan sebagai topik yang sukar dalam kalangan

responden. Natiuhnya responden tidak dapat kuasai topik ini dan tidak dapat menjawab soalan pada ujian ini.

4.2.2.6 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 6

Soalan 6 adalah bertujuan untuk pengujian pada objektif ketiga iaitu pada peringkat kedua dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektif tersebut ialah Menulis tarki:b atau susunan serta menulangnya. Maksud mengulangi di sini adalah responden atau murid-murid yang mengikuti program bahasa j-QAF dapat kenal pasti ia susunan yang ditulis betul atau tidak. 3 soalan ujian telah diberikan pada bahagian ini bagi menilai objektif ini berdasarkan penguasaan responden. Dalam soalan ini pengkaji menghendaki responden mengisi di ruang kosong yang telah digariskan berdasarkan pilihan tarki:b atau susunan yang telah diberikan. Rajah 4.7 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 6.




Rajah 4.7 : Pencapaian Responden bagi Soalan 6

Graf menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan responden iaitu 33% atau 26 orang responden berjaya menjawab kesemua soalan iaitu dengan nilai 3 skor. Seterusnya 30% atau 24 orang responden dapat menjawab 2 soalan betul dan 16% atau 13 orang responden menjawab dengan hanya 1 skor jawapan betul. Manakala 21% atau 17 orang responden tidak dapat menjawab langsung soalan ujian dengan nilai 0 skor. Keseluruhan didapati bahawa responden berada di aras sederhana dalam penguasaan objektif ini berdasarkan ujian soalan yang telah disediakan. Majoriti responden agak terkeliru dalam menentukan susunan yang betul dan membawa makna yang tepat.

4.2.2.7 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 7

Bagi soalan 7 bertujuan pada objektif keempat pada peringkat kedua dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektifnya adalah keupayaan menulis ayat berdasarkan kaedah yang betul serta memahaminya. 3 soalan ujian telah diberikan pada bahagian ini bagi menilai objektif ini berdasarkan keupayaan responden. Pada soalan ini pengkaji menghendaki responden menyusun perkataan-perkataan yang diberikan untuk membina ayat yang betul berdasarkan kaedah yang tepat. Berikut adalah graf menunjukkan pencapaian responden bagi soalan 5.




Rajah 4.8 : Pencapaian Responden bagi Soalan 7

Dapatan menunjukkan peratusan kekerapan responden tertinggi iaitu 61% atau 49 orang responden berjaya menjawab betul hanya 1 soalan. Manakala skor untuk jawab 3 betul dan 0 betul agak sama iaitu masing-masing 16% dan 15% atau 13 dan 12 orang responden. Seterusnya hanya 8% atau 6 orang responden sahaja berjaya skor untuk kesemua soalan iaitu ketiga tiga betul. Secara keseluruhannya didapati penguasaan responden masih berada di peringkat lemah dalam menulis ayat mengikut kaedah yang betul dan memahaminya.

4.2.2.8 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 8

Soalan 8 merupakan soalan ujian bagi menguji objektif kelima kemahiran menulis iaitu murid-murid mampu menulis ayat kerjaan dan ayat namaan serta mampu membezakannya. Responden dikehendaki untuk menjawab soalan ini dengan

menentukan struktur ayat namaan atau ayat kerjaan berdasarkan ayat-ayat yang telah diberikan. Rajah 4.9 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 8.




Rajah 4.9 : Pencapaian Responden bagi Soalan 8

Graf menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan responden iaitu 46% atau 37 orang responden berjaya menjawab kesemua soalan iaitu dengan nilai 6 skor. Responden dapat membezakan struktur-struktur ayat namaan dan ayat kerjaan. Seterusnya 14% atau 11 orang responden dapat menjawab 2 soalan betul, 10% atau 8 orang responden skor 3 jawapan betul, 9% atau 7 orang responden skor 4 jawapan betul, 6% atau 5 orang responden skor 1 soalan betul dan 4% atau 3 orang responden skor 5 jawapan betul berdasarkan graf di atas. Manakala peratusan kekerapan responden sebanyak 11% tau 9 orang responden tidak menjawab langsung soalan ujian yang telah diberikan. Keseluruhan didapati bahawa responden berada di aras yang baik dalam penguasaan objektif ini berdasarkan ujian soalan yang telah disediakan. Majoriti responden dapat membezakan antara struktur ayat namaan atau struktur ayat kerjaan.

4.2.2.9 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 9

Bagi soalan 9 bertujuan pada objektif kelima masih pada peringkat kedua dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektifnya adalah keupayaan menulis struktur ayat namaan dan struktur ayat kerjaan serta mampu membezakannya. 6 soalan ujian dengan 3 soalan menguji kemahiran menulis struktur ayat namaan dan 3 soalan menguji keupayaan menulis struktur ayat kerjaan telah diberikan bagi menilai objektif ini. Pada soalan ini pengkaji menghendaki responden bina satu ayat berdasarkan struktur ayat yang telah diberikan dalam soalan tersebut. Berikut adalah graf menunjukkan pencapaian responden bagi soalan 9.




Rajah 4.10 : Pencapaian Responden bagi Soalan 9

Dapatan menunjukkan peratusan kekerapan responden tertinggi iaitu 42% atau 34 orang responden gagal menjawab kesemua soalan betul dalam ujian tersebut dengan nilai skor 0. Seterusnya peratusan kekerapan responden kedua tertinggi adalah 20%

atau 16 orang responden dapat menjawab 2 soalan dari kesemua soalan dengan betul. Diikuti dengan 11% atau 9 orang responden dapat menjawab 5 soalan betul, 8% atau 6 orang responden dapat jawab dengan nilai skor hanya 1 jawapan betul, 6% atau 5 orang responden berjaya menjawab 4 soalan betul dan 4% tau 3 orang responden dapat menjawab 3 soalan dengan betul. Manakala bagi peratusan kekerapan responden yang berjaya menjawab kesemua soalan dengan betul iaitu keenam-enam soalan hanya 9% sahaja atau 7 orang responden. Secara keseluruhannya didapati penguasaan responden masih berada di peringkat lemah dalam keupayaan menulis struktur ayat namaan dan struktur ayat kerjaan serta mampu membezakannya berdasarkan hanya 9% sahaja yang mampu menjawab kesemua soalan. Pengkaji berpendapat bahawa kegagalan pelajar menjawab kesemua soalan ini adalah disebabkan responden tidak kuasai kosa kata bahasa Arab dengan baik. Tambahan lagi, kesukaran responden untuk menukar bentuk kata kerja mengikut kata ganti nama maskulin atau feminin.

4.2.2.10 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 10

Bagi soalan 10 bertujuan pada objektif keenam pada peringkat ketiga dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Soalan ujian ini bertujuan untuk menguji penguasaan objektif keenam kemahiran menulis iaitu murid-murid mampu menulis perkataan dan ayat dan memastikannya betul dan tepat. Responden dikehendaki untuk menjawab 3 soalan yang diberikan dengan menulis semula ayat salah yang diberikan dengan kaedah kemahiran menulis yang betul. Rajah 4.10 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 10.




Rajah 4.11 : Pencapaian Responden bagi Soalan 10

Graf menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan responden iaitu 45% atau 36 orang responden gagal menjawab kesemua soalan dengan betul. Diikuti dengan 25% atau 20 orang responden dapat menjawab 2 soalan betul dan 21% atau 17 orang responden dapat menjawab hanya 1 soalan dengan betul. Manakala 9% atau 7 orang responden sahaja dapat menjawab kesemua soalan ujian iaitu dengan nilai skor 3 jawapan betul. Keseluruhan didapati bahawa responden berada di aras yang lemah dalam penguasaan objektif ini berdasarkan ujian soalan yang telah disediakan. Pada hemat pengkaji hal ini mungkin disebabkan kurangnya latihan berbentuk seperti ini dalam proses pembelajaran dalam kelas.

4.2.2.11 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 11

Bagi soalan 11 bertujuan pada objektif keenam masih pada peringkat ketiga dalam penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid program j-QAF. Objektifnya adalah keupayaan menulis perkataan dan ayat seterusnya memastikannya adalah betul. 6 soalan ujian dengan 3 soalan ujian berkaitan perkataan dan 3 soalan ujian berkaitan dengan ayat. Pada soalan ini pengkaji menghendaki responden menentukan perkataan atau ayat yang diberikan adalah betul atau tidak. Berikut adalah graf menunjukkan pencapaian responden bagi soalan 11.




Rajah 4.12 : Pencapaian Responden bagi Soalan 11

Dapatan menunjukkan peratusan kekerapan responden tertinggi iaitu 32% atau 26 orang responden berjaya menjawab 5 dari 6 soalan yang dikemukakan dengan betul. Seterusnya diikuti dengan 28% atau 22 orang responden dapat menjawab 3 soalan ujian dengan betul, 18% atau 14 orang responden berjaya menjawab 4 soalan ujian dengan betul dan 15% atau 12 orang responden berjaya menjawab kesemua soalan ujian dengan

keenam-enam jawapan yang dikemukakan betul. Manakala hanya 6% atau 5 orang dengan nilai skor 2 jawapan betul, diikuti pula dengan 1% atau hanya seorang responden di dapat menjawab langsung soalan ujian yang telah dikemukakan. Akhir sekali iaitu 0% atau tiada seorang responden kajian yang mendapat nilai skor dengan 1 jawapan betul. Secara keseluruhannya, didapati bahawa responden kajian dapat menguasai ujian soalan di bahagian ini dengan baik iaitu berjaya memastikan perkataan atau ayat tersebut betul atau salah. Berdasarkan temu bual bersama guru, pengkaji berpendapat penguasaan ini disebabkan pendedahan soalan seperti ini kerap diadakan dalam kelas. Tambahan lagi soalan sebegini adalah mudah bagi responden kajian untuk menjawabnya.

4.2.2.12 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 12

Soalan 12 masih lagi bertujuan pada objektif keenam pada peringkat ketiga dalam penguasaan kemahiran menulis. Soalan ujian ini bertujuan untuk menguji penguasaan objektif keenam kemahiran menulis iaitu murid-murid mampu menulis perkataan dan ayat dan memastikannya betul. Responden dikehendaki untuk menjawab 3 soalan yang diberikan dengan menulis semula ayat dengan membetulkan 2 perkataan salah yang tersedia dalam setiap ayat tersebut. Rajah 5.2 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 12.




Rajah 4.13 : Pencapaian Responden bagi Soalan 12

Graf menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan responden iaitu 54% atau 43 orang responden langsung tidak dapat menjawab soalan ujian dengan nilai skor 0. Diikuti dengan 26% atau 21 orang responden dapat menjawab 1 soalan betul dan 15% atau 12 orang responden dapat menjawab hanya 2 soalan dengan betul. Manakala hanya 5% atau 4 orang responden sahaja yang dapat menjawab kesemua soalan dengan jumlah skor 3 jawapan betul. Keseluruhan didapati bahawa responden lemah untuk kenal pasti perkataan yang perlu dibetulkan dan menulis kembali keseluruhan ayat dengan betul. Pengkaji berpendapat kelemahan ini berpunca dari kekeliruan responden dalam mengenal pasti perkataan yang salah yang terdapat dalam ayat. Hal ini kerana jika dilihat pada analisa soalan sebelum ini, responden dapat kenal pasti perkataan yang salah jika tidak dalam bentuk ayat.

4.2.2.13 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 13

Bagi soalan 13 bertujuan pada objektif ketujuh iaitu yang terakhir pada peringkat ketiga dalam penguasaan kemahiran menulis yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektifnya adalah keupayaan murid-murid menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari dan mampu membina ayat berdasarkan situasi yang pelbagai. Berdasarkan 3 soalan di bahagian ini, pengkaji menghendaki responden membina ayat berdasarkan gambar dan klu perkataan yang telah diberikan. Berikut adalah graf menunjukkan pencapaian responden bagi soalan 13.




Rajah 4.14 : Pencapaian Responden bagi Soalan 13

Dapatan menunjukkan peratusan kekerapan responden tertinggi iaitu 74% atau 59 orang responden langsung tidak dapat menjawab soalan ujian dengan nilai skor 0. Seterusnya diikuti dengan 10% atau 8 orang responden berjaya menjawab dengan 2 jawapan betul dan 9% atau 7 orang responden dengan nilai skor 1 jawapan betul.

Manakala hanya 7% atau 6 orang responden sahaja dari keseluruhan responden dapat menjawab kesemua soalan ujian dengan nilai skor 3 jawapan betul. Secara keseluruhannya, didapati bahawa responden kajian lemah dalam penguasaan objektif ketujuh ini iaitu membina ayat berdasarkan kosa kata yang telah dipelajari di dalam kelas. Pengkaji berpendapat kelemahan ini disebabkan kepada pelbagai faktor antaranya kurang penguasaan kosa kata dalam kalangan responden kajian dan juga kelemahan responden dalam membina ayat bahasa berdasarkan kaedah nahu yang betul.

4.2.2.14 Analisis Pencapaian Responden bagi Soalan 14

Soalan 14 merupakan soalan ujian bertujuan pada objektif terakhir iaitu ketujuh pada peringkat ketiga dalam penguasaan kemahiran menulis. Soalan ujian ini bertujuan untuk menguji penguasaan kemahiran menulis murid-murid dalam keupayaan menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari dan membina ayat berdasarkan situasi yang berkaitan. Pengkaji menghendaki responden untuk menjawab 5 tempat kosong berdasarkan satu perbualan antara dua orang pelajar. Soalan ini menguji keupayaan responden dalam membina ayat perbualan asas bahasa Arab. Rajah 5.3 menunjukkan keputusan pencapaian responden bagi soalan 14.



Rajah 4.15 : Pencapaian Responden bagi Soalan 14

Untuk soalan terakhir ini, dapatan graf menunjukkan peratusan tertinggi kekerapan responden iaitu 26% atau 21 orang responden dapat menjawab 3 soalan ujian dengan betul. Seterusnya diikuti dengan 24% atau 19 orang responden langsung tidak dapat menjawab dengan betul, 22% atau 18 orang responden dengan jumlah 2 skor jawapan betul dan 18% atau 14 orang responden dapat menjawab hanya satu jawapan betul. Manakala 9% atau 7 orang responden dapat menjawab 4 soalan dengan betul dan akhir sekali hanya 1% iaitu hanya seorang sahaja berjaya skor kesemua soalan dengan betul. Secara keseluruhannya didapati bahawa responden berada di aras yang lemah dalam kemahiran menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari seterusnya berupaya membina ayat berdasarkan situasi yang berkaitan. Pengkaji berpendapat kelemahan ini berpunca dari kurangnya latihan atau praktikal perbualan antara sesama murid mahupun bersama guru dalam bahasa Arab. Hal ini mungkin disebabkan kekangan waktu yang padat untuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

4.2.3 Analisis Kesilapan dalam Ujian Kemahiran menulis

Bahagian ketiga adalah analisis kesilapan berdasarkan skrip jawapan yang diterima daripada responden. Analisis bahagian ini bukan bertujuan mencari kesilapan responden semata-mata, bahkan ia bertujuan untuk mengkaji dan menilai kesilapan tersebut sebagai resolusi dalam mencari punca kelemahan responden dalam kemahiran menulis. Penghuraian analisis kesilapan ini adalah dari soalan ke soalan berikutnya. Justeru itu, ianya mengandungi empat belas item berdasarkan kepada empat belas soalan yang telah dibina dan dijawab oleh responden. Ianya bertujuan untuk melihat dengan lebih fokus punca dan sebab kesalahan bagi setiap soalan bertepatan dengan objektif kemahiran menulis yang telah digariskan. Hal ini juga disebabkan bidang pengkajian kemahiran menulis yang sangat luas. Penganalisan ini juga akan tertumpu kepada kekerapan tertinggi kesilapan yang telah dilakukan oleh responden.

4.2.3.1 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 1

Pada soalan 1, responden dikehendaki untuk menulis kembali 30 huruf *hija:yyaṭ* pada ruangan yang telah disediakan. Didapati 23 kekerapan kesilapan yang telah dilakukan oleh responden dalam menulis huruf bahasa Arab atau *hija:yyaṭ*. Berikut adalah jadual huruf serta kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh responden:

Jadual 4.14 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 1

Huruf	Kekerapan kesilapan	Huruf	Kekerapan kesilapan
ث	3	ض	1
ر	5	ط	1
ز	3	ظ	1
س	2	ق	1
ش	2	ل	2
ص	1	م	1

Berdasarkan jadual 4.13, responden telah melakukan kesilapan menulis pada 12 huruf daripada 30 huruf dalam bahasa Arab atau hija:yyat. Secara keseluruhannya, kesilapan responden menulis huruf ini adalah gagal menulis dengan ciri-ciri huruf tersebut dengan sempurna. Contohnya pada huruf س, responden menulis tanpa gigi huruf yang sempurna sama ada kurang atau lebih.

4.2.3.2 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 2

Untuk soalan 2, pengkaji menghendaki responden untuk menyambung huruf yang telah diceraikan bagi membentuk 1 perkataan yang telah ditetapkan. Soalan ini bagi menguji objektif pertama kemahiran menulis iaitu menulis perkataan dengan betul. Berikut adalah jadual analisa kekerapan kesilapan terhadap 5 perkataan yang telah diuji:

Jadual 4.15 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 2

Perkataan yang diuji	Kekerapan kesilapan (%)
رَمَضَانَ	15 (15%)
بِالصُّورِ	14 (14%)
الرِّيَاضِي	20 (21%)
تَمَنُّهُمَا	25 (26%)
الرَّسْمِيَّة	23 (24%)
Jumlah	97 (100%)

Berikut dinyatakan contoh-contoh kesilapan yang dilakukan bagi setiap perkataan tersebut:

1. رَمَضَانَ : رمض ان، رمض ل، رمضك، رمضله، من ص ا، رمضان
2. بِالصُّورِ : بالص ور، بالوص ر، بلاصور، بل صور، بلصور، بال ص ور

3. لاياض ي ، لارياضي ، الرياض ، الرياض ي ، الري اضي : الرِّيَاضِيُّ
4. ثمنه ما ، ثمنحما ، ثمن هما ، ثمنهما ، ثمنه م ا ، ثم نهما ، ثمنيهما : ثَمْنُهُمَا
5. الرسمية ، الرسم ية ، لارسمية ، ال رس مية ، الرسميته ، الرس مية : الرِّسْمِيَّةُ

Melihat kepada contoh-contoh yang telah dinyatakan, responden gagal menulis perkataan dengan betul berdasarkan peraturan-peraturan kemahiran menulis bahasa Arab. Situasi ini adalah kerana responden belum kuasai sepenuhnya kaedah mengeja (ortografi) dan menulis perkataan bahasa Arab dengan baik. Menurut pengkaji, masalah ini mungkin dapat dielakkan dengan penguasaan kosa kata dalam kalangan responden. Apabila kuasai kosa kata dengan baik, berkemungkinan besar perkataan yang diketahui makna sukar untuk tersilap dalam mengeja dan menulis.

4.2.3.3 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 3

Pada soalan 3 pengkaji menghendaki responden untuk memilih jawapan yang tepat berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. Soalan ini untuk menguji kemahiran menulis perkataan berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya. Berikut adalah jadual analisa kekerapan kesilapan terhadap 5 bilangan soalan yang diberikan.

Jadual 4.16 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 3

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan (%)
1	25 (18%)
2	17 (12%)
3	31 (22%)
4	35 (25%)
5	33 (23%)
Jumlah	141 (100%)

Disebabkan bentuk soalan 3 adalah memilih antara jawapan yang betul, jadi kesilapan gaya menulis tidak jelas untuk diuraikan. Akan tetapi secara keseluruhannya, responden gagal untuk menggunakan kaedah nahu dalam menentukan jawapan yang betul. Contohnya pada ayat yang mempunyai perkataan “بِالْأَمْسِ” yang bermaksud semalam, jadi jawapan yang dipilih mestilah kata kerja kala lampau bukan kata kerja kala kini. Selain itu juga, responden lemah dalam penguasaan kosa kata menyebabkan ketidakfahaman akan ayat tersebut.

4.2.3.4 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 4

Untuk soalan 4, pengkaji menghendaki responden untuk menulis jawapan yang sesuai di tempat kosong berdasarkan gambar yang diberikan. Soalan ini bagi menguji objektif kedua kemahiran menulis iaitu menulis perkataan berdasarkan kaedah nahu yang betul dan memahaminya. Berikut adalah jadual analisa kekerapan kesilapan bagi soalan 4:

Jadual 4.17 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 4

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan (%)
1	50 (30%)
2	58 (35%)
3	57 (35%)
Jumlah	165 (100%)

Berdasarkan kepada kekerapan kesilapan di atas, beberapa kesimpulan dapat dikenal pasti antaranya pengalihan kod atau responden menggunakan item leksikal bahasa Melayu dalam menjawab soalan. Contohnya jawapan yang betul adalah “كُرَّةُ” iaitu bola sepak, tetapi responden hanya menulis dengan “بولا”. situasi ini menunjukkan bahawa responden menggunakan item leksikal bahasa Melayu untuk

menjawab soalan. Selain daripada itu juga, contoh perkataan lain juga seperti بُوَكُو، مِجَا، سُوَكُن dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, kebanyakan kesilapan responden disebabkan keliru antara huruf. Contohnya pada perkataan "كُرَّةُ الْقَدَمِ" majoriti responden keliru dengan menukar huruf lain iaitu "قَرَّةُ الْقَدَمِ". Selain daripada itu juga, responden keliru dengan menambah huruf contohnya jawapan yang betul adalah "المَكْتَبُ" bermaksud meja, akan tetapi responden menulis dengan menambahkan ة dan menjadi "المَكْتَبَةُ" bermaksud perpustakaan.

4.2.3.5 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 5

Soalan ini menguji penguasaan responden untuk menulis perkataan berdasarkan kaedah serta memahaminya. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 5:

Jadual 4.18 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 5

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan (%)
1 (i)	44 (12%)
1 (ii)	50 (13%)
2 (i)	64 (17%)
2 (ii)	68 (18%)
3 (i)	77 (21%)
3 (ii)	70 (19%)
Jumlah	373 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah 3 (i) dan 3 (ii). Responden tidak dapat menukar pola kata kerja terutama kata kerja di soalan 3 iaitu kata kerja ajwaf (الْفِعْلُ الْأَجْوَفُ). Pada soalan yang

telah diberikan kata kerja kala kini iaitu (يَبِيعُ) , dan dikehendaki responden tentukan kata kerja tersebut dalam kala lampau dan imperatif . Pelbagai jawapan salah dapat dilihat berdasarkan skrip jawapan responden, contohnya adalah seperti berikut:

1. Kata kerja kala lampau : يبيع ، لبيع ، بئع ، يبيع ، ليبيع ، يبييع
2. Kata kerja imperatif : يبيع ، ابيع ، ببع ، اللبيع ، بياع ، يبعان ، أبيع ، إبع ، يبيعا ، يبيع ، يلبع ، آبيع ،

4.2.3.6 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 6

Soalan ini menguji penguasaan responden untuk menulis tarki:b atau susunan kata yang tepat. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 6:

Jadual 4.19 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 6

Bil soalan	Kekerapan kesilapan
1	25 (25%)
2	30 (29%)
3	47 (46%)
Jumlah	102 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan 3. Responden tidak dapat menentukan tarki:b atau susunan ungkapan yang lebih dari dua. Contohnya pada soalan ketiga dalam bahagian ini, jawapan yang sebenar adalah (فِرْقَةُ الْأَعْيَانِ الْوَطَنِيَّةُ) akan tetapi ramai responden keliru dan memilih pilihan yang salah sebagai jawapan. Pilihan yang salah itu adalah (الأَعْيَانِ الْوَطَنِيَّةُ فِرْقَةُ). Kesimpulannya, pengkaji merasakan tarki:b yang terdiri daripada 3 susunan perkataan perlu diberi penekanan oleh guru semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bagi mengelak dari masalah ini berterusan.

4.2.3.7 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 7

Soalan ini menguji penguasaan responden untuk menulis ayat berdasarkan kaedah nahu yang betul dan dalam masa yang sama responden memahaminya. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 7:

Jadual 4.20 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 7

Bil soalan	Kekerapan kesilapan
1	14 (10%)
2	69 (46%)
3	66 (44%)
Jumlah	149 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah pada soalan yang kedua dengan nilai 46%. Responden tidak mampu untuk menyusun perkataan-perkataan yang telah diberi untuk membina ayat struktur namaan. Berbanding pula nilai kekerapan lebih rendah untuk soalan pertama dan ketiga menyusun perkataan untuk membina ayat kerjaan. Melihat kepada jawapan responden untuk soalan kedua itu, berbagai-bagai bentuk dapat dilihat contohnya **الْحَائِطُ عَلَى الْأَسْعَارِ قَائِمَةٌ ، الْحَائِطُ قَائِمَةٌ عَلَى الْأَسْعَارِ ، الْأَسْعَارُ قَائِمَةٌ عَلَى الْحَائِطِ ، الْأَسْعَارُ الْحَائِطُ ، قَائِمَةٌ عَلَى الْحَائِطِ ،** dan sebagainya. Manakala jawapan yang sebenar adalah **قَائِمَةٌ الْأَسْعَارُ عَلَى الْحَائِطِ** .

4.2.3.8 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 8

Soalan ini menguji penguasaan responden dalam menulis struktur ayat kerjaan dan struktur ayat namaan. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 8:

Jadual 4.21 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 8

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan
1	21 (13%)
2	31 (19%)
3	28 (17%)
4	27 (16%)
5	35 (22%)
6	22 (13%)
Jumlah	164 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan di bahagian ke 5 dengan nilai kekerapan 35 atau (22%). Responden mengalami kesukaran untuk menentukan bahawa jawapan kelima ini adalah struktur: kata nama + kata kerja + kata nama (الإِسْمُ + الْفِعْلُ + الإِسْمُ). Seterusnya diikuti dengan kesukaran pada struktur :kata nama + kata kerja + huruf + kata nama (+ الإِسْمُ الْفِعْلُ + الْحَرْفُ + الإِسْمُ). Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa pelajar lemah dalam membina struktur ayat namaan khususnya ayat tersebut mengandungi lebih dari 2 patah perkataan. Justeru itu, disarankan kepada guru-guru supaya lebih memberi penekanan kepada aspek ini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kelak.

4.2.3.9 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 9

Soalan ini menguji responden untuk membina ayat berdasarkan struktur-struktur ayat kerjaan dan ayat naman. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 9:

Jadual 4.22 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 9

Bilangan soalan		Kekerapan kesilapan
1 (Ayat namaan)	i	39 (12%)
	ii	58 (18%)
	iii	59 (20%)
2 (Ayat kerjaan)	i	47 (15%)
	ii	58 (18%)
	iii	54 (17%)
Jumlah		315 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan di bahagian 1 (iii) dengan nilai kekerapan 59 atau (20%). Responden mengalami kesukaran untuk membina ayat berdasarkan struktur (الإِسْمُ + الإِسْمُ + الحَرْفُ + الفِعْلُ). Berikut beberapa kesilapan yang kerap dilakukan oleh responden pada soalan ini:

- i. Kesilapan menggunakan kata ganti nama.

Contohnya : سِيتِي تَقْرَأُ الْقُرْآنَ sepatutnya سِيتِي تَقْرَأُ الْقُرْآنَ , التِّلْمِيذَةُ قَرَأَ الْقُرْآنَ , sepatutnya التِّلْمِيذَةُ قَرَأَتْ الْقُرْآنَ , تَأْكُلُ أُمِّي sepatutnya تَأْكُلُ أُمِّي .

- ii. Kesilapan penggunaan partikel Ja:rr.

Contohnya : سِيتِي تَقْرَأُ فِي الْقُرْآنِ sepatutnya tidak perlu dimasukkan partikel Ja:rr iaitu سِيتِي تَقْرَأُ الْقُرْآنَ , جَلَسَ أَحْمَدُ الْكُرْسِي sepatutnya perlu dimasukkan partikel Ja:rr dalam ayat tersebut iaitu جَلَسَ أَحْمَدُ عَلَى الْكُرْسِي , dan جَلَسَ أَيْمَنُ

إِلَى الْكُرْسِيِّ menunjukkan penggunaan partikel Ja:rr yang tidak tepat, ayat yang tepat adalah جَلَسَ أَيَّمَنُ عَلَى الْكُرْسِيِّ .

iii. Susunan perkataan salah.

Responden menyusun kedudukan perkataan tidak tepat berdasarkan kepada sistem kaedah yang betul. Contohnya pada ayat الْقُرْآنَ مُحَمَّدٌ يَقْرَأُ sepatutnya bagi ayat yang tepat adalah يَقْرَأُ مُحَمَّدٌ الْقُرْآنَ atau مُحَمَّدٌ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ .

4.2.3.10 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 10

Soalan ini menguji penguasaan responden dalam menulis ayat atau perkataan dan dalam masa yang sama responden mampu untuk kenal pasti kemahiran menulis mereka salah atau betul. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 10:

Jadual 4.23 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 10

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan
1	53 (32%)
2	65 (40%)
3	45 (28%)
Jumlah	163 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan di bahagian ke 2 dengan nilai kekerapan 65 atau (40%). Ayat yang telah diberikan adalah (مَاذَا تَفْعَلُونَ هُنَا؟) dan jawapan yang betul adalah (مَاذَا) (تَفْعَلُونَ هُنَا؟). Secara keseluruhannya beberapa kesilapan dikenal pasti, berikut adalah contoh kesilapan yang telah dilakukan:

- i. Penambahan huruf asing, contohnya : تَفْعَلُوْنَهَا ، تَفْعَلُوْنَاهُنَا ، تَفْعَلُوْا كِنَا
ك هُنَا ، تَفْعَلُوْا كِنَا
- ii. Pengguguran huruf, contohnya : تَفْعَلُوْنَاهُنَا ، تَفْعَلُوْنَ هُنَا :
- iii. Kesilapan menyambung huruf ,contohnya : تَفْعَلُوْنَاهُنَا ، تَفْعَلُوْنَاهُنَا

4.2.3.11 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 11

Soalan ini menguji penguasaan responden dalam mengenal pasti perkataan atau ayat tersebut betul atau salah dari aspek ejaan, pemilihan item leksikal dan sebagainya.

Berikut adalah jadual analisa kekerapan kesilapan dalam soalan 11:

Jadual 4.24 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 11

Bilangan soalan		Kekerapan kesilapan
1	i	28 (18%)
	ii	6 (4%)
	iii	30 (20%)
2	i	26 (17%)
	ii	27 (18%)
	iii	34 (23%)
Jumlah		151 (100%)

Soalan 11 telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian 1 untuk perkataan dan bahagian 2 untuk ayat. Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden di bahagian 1 adalah soalan ketiga iaitu (تَلَاد) dengan 30 kekerapan atau (20%) dan bahagian 2 pada soalan ketiga juga iaitu (تَسْتَحِيرُ ثِيَابِي بِنَجِيلِ الزَّيْتِ) dengan 34 kekerapan atau (23%). Pada pendapat pengkaji, kekeliruan pada perkataan dan ayat tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor

seperti lemah dalam penguasaan kosa kata, kurang pendedahan bentuk soalan seperti ini, sikap tidak fokus responden pada pilihan jawapan dan sebagainya.

4.2.3.12 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 12

Soalan ini menguji penguasaan responden dalam menulis ayat atau perkataan dan dalam masa yang sama responden mampu untuk kenal pasti kemahiran menulis tersebut adalah betul. Melalui soalan 12, responden dikehendaki membetulkan semula perkataan (perkataan) salah yang terdapat dalam ayat yang telah diberikan. Berikut adalah jadual analisa kekerapan kesilapan dalam soalan 12:

Jadual 4.25 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 12

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan
1	72 (40%)
2	58 (32%)
3	51 (28%)
Jumlah	181 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan pertama dengan kekerapan 72 atau (40%). Berikut jadual bagi menerangkan kesalahan yang dilakukan bagi setiap ayat tersebut:

Jadual 4.26 : Contoh kesilapan jawapan responden bagi soalan 12

Soalan	Jawapan betul	Contoh kesilapan jawapan responden
Ayat 1: <u>أنا أفتر على الطمر</u>	<u>أنا أفطر على التمر</u>	1 - أفتر ، أفترا ، أختر ، إفتري ، الأفتر 2 - الطمر ، الفصلي ، الظمر ، المر
Ayat 2: <u>هو يسوم رمضان</u>	<u>هو يصوم رمضان</u>	1 - يسوم ، يسعم ، يصام ، يثوم 2 - رمضان
Ayat 3: <u>أخي يقرأ القرآن</u>	<u>أخي يقرأ القرآن</u>	1 - يقرأ 2 - الكران ، الكرون الكرن ،

Selain daripada itu, responden turut menggunakan item leksikal bahasa Melayu dengan cara pengalihan kod dalam memberi jawapan, contohnya “بولن فواسا”.

4.2.3.13 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 13

Soalan ini menguji responden untuk membina ayat berdasarkan kepada gambar yang telah diberikan. Berikut adalah jadual menerangkan kekerapan kesilapan dalam soalan 13:

Jadual 4.27 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 13

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan
1	58 (29%)
2	70 (36%)
3	68 (35%)
Jumlah	196 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan di bahagian ke 2 dengan nilai kekerapan 70 atau (36%). Ayat tersebut mengenai situasi seorang pelajar perempuan dalam pertandingan lumba lari. Berikut adalah beberapa kesimpulan kesilapan yang boleh dilihat dalam soalan ini.

- i. Kesilapan dalam penukaran pola penerbitan kata kerja.

Responden sering silap dalam penukaran pola kala kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini. Contohnya, **يَلْعَبُ التَّلْمِيذَةُ** adalah salah dari penggunaan pola tersebut, pola yang betul adalah **تَلْعَبُ التَّلْمِيذَةُ** kerana **التَّلْمِيذَةُ** adalah feminin.

- ii. Peralihan kod atau penggunaan item leksikal bahasa Melayu.

Disebabkan responden tidak mengetahui perkataan yang sesuai dalam bahasa Arab, maka mereka telah menggunakan item leksikal bahasa Melayu sebagai

jawapan sama ada dalam tulisan jawi atau rumi. Contohnya, berlari يَلْعَبُ التِّلْمِيذَةُ ,
memotong peserta lain يَلْعَبُ التِّلْمِيذَةُ بِرِلَارِي , بِرِمَائِينَ بُولَا سِيفِقُ , هَذِهِ التِّلْمِيذَةُ

4.2.3.14 Analisis Kesilapan Responden dalam Soalan 14

Soalan ini menguji responden untuk membina ayat perbualan ringkas bagi melihat kemampuan responden menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari berdasarkan situasi tertentu. Berikut adalah jadual analisa kekerapan kesilapan dalam soalan 14:

Jadual 4.28 : Bilangan kekerapan kesilapan responden bagi soalan 14

Bilangan soalan	Kekerapan kesilapan
1	29 (12%)
2	42 (14%)
3	29 (12%)
4	78 (32%)
5	69 (27%)
Jumlah	247 (100%)

Berdasarkan skrip jawapan responden, kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh responden adalah soalan di bahagian ke 4 dengan nilai kekerapan 78 atau (32%). Ayat yang dikehendaki pada situasi tersebut adalah (نَعَمْ ، أَنَا تَلْمِيذٌ وَأَنْتَ ؟) iaitu jawapan bagi pertanyaan perbualan (هَلْ أَنْتَ تَلْمِيذٌ؟). Berikut adalah beberapa kesimpulan kesilapan yang terdapat pada skrip jawapan responden:

- i. Kesilapan ortografi atau ejaan.

Contohnya pada perkataan (وَعَلَيْكُمْ السَّلَام), terdapat pelbagai kesalahan yang dapat dilihat seperti: وَعَلَيْكُمْ سَلَام ، وَعَلَيْكُمْ الْمَسَّلَام ، وَالْيَكُم سَلَم ، وَعَلَيْكُمْ شَلَم ، وَعَلَيْكُمْ مسالم ، وَعَلَيْكُمْ الشلم

- ii. Kesilapan penggunaan kata ganti nama (الضمير).

Antara kesilapan dalam penggunaan kata ganti nama adalah seperti, (كَيْفَ حَالِكُمْ؟) kepada “Ali” iaitu hanya seorang bukan menunjukkan kepada bilangan yang ramai. Jadi, kata ganti nama yang sesuai adalah (كَ : kamu) bukan (كُمْ : kamu semua).

- iii. Penggunaan item leksikal bahasa lain atau pengalihan kod.

Kebanyakan responden menggunakan item leksikal bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai ganti jawapan sebenar. Contohnya, bagi perkataan (مَعَ السَّلَامَةِ) kebanyakan responden yang tidak mengetahui akan perkataan ini telah menggantikan kepada item leksikal bahasa lain seperti “bye, jumpa lagi, سلامات تيغكل dan sebagainya.

4.3 Huraian Temu Bual Guru Bahasa Arab

Temu bual ini telah dijalankan terhadap empat orang guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di bawah program j-QAF. Guru-guru yang terlibat adalah dari sekolah lokasi kajian iaitu Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Klang Selangor.

Antara tujuan utama kaedah temu bual ini dijalankan adalah untuk melihat permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid serta guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui program j-QAF. Selain daripada itu juga, temu bual ini juga dapat bertindak sebagai pemantau kepada jawapan-jawapan yang dibekalkan oleh responden.

Pengkaji telah membahagikan dapatan temu bual ini kepada dua bahagian utama iaitu:

- i. Maklumat profil guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
- ii. Maklumat berkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab.

4.3.1 Maklumat Profil Guru Bahasa Arab

Guru-guru yang ditemu bual melibatkan 3 orang guru perempuan dan 1 orang guru lelaki. 2 daripada mereka berumur dalam lingkungan lewat 20 an, manakala 2 lagi awal 30an. 3 orang guru mempunyai ijazah sarjana muda dalam pengkhususan bahasa Arab dan 1 orang pengkhususan dalam pengajian Islam (syariah) dari universiti tempatan dan timur tengah.

Seterusnya dalam kelulusan ikhtisas, 3 daripada guru tersebut telah menyertai Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan 1 orang sahaja mempunyai Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI).

Tinjauan dari aspek pengalaman mengajar bahasa Arab di peringkat sekolah rendah kebangsaan, secara umumnya mereka mempunyai pengalaman antara 2 hingga 6 tahun. Mereka sangat komited dalam memastikan pengajaran bahasa Arab dapat dijalankan dengan baik. Justeru itu, masing-masing pernah mengikuti kursus dalam perkhidmatan sebanyak 1 kali.

Selain daripada beban tugas pengajaran dalam kelas, guru-guru tersebut turut terlibat dalam tugas-tugas di luar bilik darjah seperti penyelarass j-QAF, penyelarass skim pinjaman buku teks (SPBT), penyelarass sistem maklumat murid, penyelarass kantin sekolah, penasihat kadet pengakap, penasihat kadet puteri Islam dan lain-lain lagi. Berikut adalah ringkasan jadual 4.28 maklumat profil guru bahasa Arab.

Jadual 4.29 : Ringkasan Maklumat Profil Guru Bahasa Arab

Aspek		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	1	25
	Perempuan	3	75
	Jumlah	4	100
Umur	Lewat 20-an (28-30)	2	50
	Awal 30-an (31-33)	2	50
	Jumlah	4	100
Kelulusan akademik tertinggi	Ijazah sarjana muda	4	100
Bidang pengkhususan	Bahasa Arab	3	75
	Pengajian Islam	1	25
	Jumlah	4	100
Kelulusan Ikhtisas	DPLI	1	25
	KPLI	3	75
	Jumlah	4	100
Institusi pengajian	IPTA	1	25
	Universiti Timur Tengah	3	75
	Jumlah	4	100
Pengalaman mengajar	2 tahun	1	25
	4 tahun	1	25
	5 tahun	1	25
	6 tahun	1	25
	Jumlah	4	100
Mengikuti kursus dalam perkhidmatan	1 kali	4	100

4.3.2 Maklumat Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab

Bahagian kedua analisa temu bual bersama guru bahasa Arab berfokus kepada maklumat berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan

kepada soalan yang telah diajukan, didapati kesemua guru iaitu (100%) menggunakan rujukan seperti sukatan pelajaran bahasa Arab (manhaj), Huraian sukatan pelajaran (dalil manhaj), buku teks bahasa Arab dan buku latihan/rampaian dalam menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan tersusun.

Seterusnya berkaitan dengan penggunaan bahasa pengantar semasa pengajaran, didapati kesemua guru tidak menggunakan 100% bahasa Arab sebagai bahasa pengantar di dalam kelas. Mereka mengatakan sukar untuk berbahasa Arab 100% dalam pengajaran kerana majoriti murid-murid tidak faham akan maksud yang ingin disampaikan oleh guru dan juga tidak dapat mengikuti kelas tersebut dengan baik. Jadi, pendekatan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Arab dalam pengajaran dalam kelas digunakan oleh guru. Kesemua guru menggunakan pendekatan 70% bahasa Melayu dan 30% bahasa Arab bagi kelas 2 terakhir, manakala sama-sama 50% bahasa Melayu dan bahasa Arab bagi kelas 2 terawal. Selain daripada itu juga, guru-guru menggunakan medium bahasa asing iaitu bahasa Inggeris dalam pengajaran mereka sebagai gantian dari penggunaan bahasa Melayu.

Analisa temu bual seterusnya mendapati guru-guru tidak menggunakan waktu lain selain daripada waktu yang telah dikhususkan oleh pihak sekolah untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Situasi ini adalah disebabkan tiada ruang dan peluang antara pihak guru dan murid dalam menentukan waktu yang sesuai. Hal ini kerana kedua-dua pihak mempunyai aktiviti sendiri selepas waktu belajar sama ada aktiviti kokurikulum mahupun aktiviti bersama keluarga.

Dalam menentukan proses P&P dapat dijalankan dengan baik, guru-guru bahasa Arab j-QAF juga didapati menggunakan bahan bantu mengajar (BBM). Antara BBM yang digunakan seperti permainan bahasa, kad imbasan, tayangan multimedia, nasyid dan lain-lain lagi. Menurut guru-guru bahasa Arab j-QAF, mereka menggunakan BBM ini berdasarkan keperluan iaitu bukan pada setiap sesi P&P digunakan.

4.3.3 Maklumat Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Bahagian ini akan menghuraikan hasil dapatan dari temu bual yang telah dijalankan bersama guru bahasa Arab j-QAF berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab di dalam kelas. Melalui temu bual yang telah dijalankan, 75% atau 3 orang guru meletakkan jenis atau bentuk huruf, perkataan, dan ayat yang perlu diberi penekanan yang lebih pada sesi P&P. Menurut guru tersebut, penekanan ini bergantung pada slibus yang akan diajar. Selain daripada itu, penekanan juga dilihat berdasarkan perkataan di bahagian glosari yang terdapat pada buku teks. Baki 25% atau 1 orang guru tidak meletakkan atau menyediakan jenis atau bentuk huruf, perkataan dan ayat sebagai aspek yang perlu ditekankan dalam kelas.

Majoriti guru menggunakan strategi bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses P&P bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Berikut adalah antara contoh BBM yang digunakan oleh pihak guru bahasa Arab j-QAF dalam mengendalikan pengajaran mereka:

- i. Kad imbasan
- ii. Tayangan multimedia
- iii. Latihan menulis
- iv. Latihan berkumpulan
- v. Permainan bahasa seperti nyanyian nasyid, lakonan menulis di atas badan rakan dan sebagainya.

Berdasarkan temu bual ini juga, didapati beberapa bentuk latihan kemahiran menulis kerap digunakan oleh guru-guru bahasa Arab j-QAF dalam memberi latihan pengukuhan kepada murid-murid. Bentuk latihan yang digunakan seperti menyalin semula, penulisan berulang, menyambung huruf, padanan atau suaikan, isi tempat kosong, susun ayat dan sebagainya. Kesemua guru mengatakan bahawa mereka kerap

memberi latihan kepada murid-murid sama ada latihan di dalam kelas ataupun latihan sebagai kerja rumah. Tugas yang diberikan kepada murid-murid dalam kelas bergantung pada ruang masa yang ada.

Seterusnya dalam temu bual ini, guru-guru berpendapat antara punca awal kelemahan murid-murid menguasai kemahiran menulis adalah kelemahan murid-murid dalam penguasaan jawi. Guru-guru bahasa Arab j-QAF berpendapat bahawa jika murid-murid menguasai tulisan jawi, maka secara langsung murid-murid dapat menulis bahasa Arab dengan mudah di peringkat asas. Selain daripada itu, guru juga mengatakan bahawa ada sebahagian kecil murid-murid boleh membaca teks bahasa Arab dengan baik tetapi tidak dapat menulis apa yang dibacanya. Situasi ini disebabkan oleh penguasaan bacaan al-Quran yang membawa kepada penguasaan bacaan teks bahasa Arab tetapi gagal untuk menulisnya kembali.

Dalam melihat punca murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Arab, 75% atau 3 orang guru mengatakan punca utamanya sikap murid terhadap bahasa Arab telah membuatkan mereka lemah menguasai bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Murid-murid didapati sering tidak serius dalam pembelajaran bahasa Arab dengan tidak hadir ke kelas, tidak membawa buku teks atau latihan dan sebagainya. Manakala 25% atau 1 orang guru berpendapat punca utama kelemahan murid-murid adalah dari sikap dan motivasi ibu bapa terhadap anak mereka. Ibu bapa tidak seharusnya mengharapkan sepenuhnya pendidikan terbaik adalah dari guru di sekolah.

Hasil daripada temu bual juga dapat mengenal pasti beberapa cadangan dari guru-guru bahasa Arab j-QAF bagi memudahkan murid-murid menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik. Antara cadangan mereka adalah:

- i. Memperbanyak latihan kemahiran menulis.
- ii. Guru-guru berusaha bagi memastikan murid-murid dapat menghafal kosa kata bahasa Arab sebanyak mungkin.
- iii. Sesi bagi waktu pembelajaran bahasa Arab harus ditambah.
- iv. Slibus atau sukatan pelajaran harus dikaji sejajar dengan penguasaan murid.

4.4 Penutup

Secara umumnya, pengkaji telah menghuraikan secara terperinci dapatan kajian berdasarkan instrumen kajian yang telah digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Instrumen kajian tersebut adalah soal selidik responden , set soalan ujian kemahiran menulis dan juga temu bual bersama guru bahasa Arab.

Perbincangan dan analisis data ini memberikan penjelasan yang mendalam mengenai penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid menerusi program j-QAF. Selain daripada itu juga, analisa data juga tertumpu pada masalah, faktor penyebab dalam kelemahan penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab.